

10/03/1997

Kuasa polis kepada guru diteliti

BANGI, Ahad - Kementerian Pendidikan terpaksa meneliti cadangan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memberi kuasa polis tambahan kepada guru besar dan guru penolong kanan bagi membendung masalah sosial di kalangan pelajar.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Khalid Yunus, berkata cadangan itu memang baik, tetapi perlu diteliti dari pelbagai aspek kerana guru besar mempunyai beban tugas yang banyak sebagai pentadbir sekolah.

Kelmarin, Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, berkata PDRM sedang menimbang cadangan memperluaskan pemberian kuasa polis tambahan kepada guru besar dan guru penolong kanan bagi membendung masalah disiplin yang kritikal di sekolah.

Menurutnya, cadangan itu bergantung kepada keperluan selepas polis memberi kuasa polis tambahan (AP) kepada guru disiplin, baru-baru ini.

Pada 24 Februari lalu, mesyuarat khas antara Kementerian Pendidikan dengan PDRM memberi kuasa polis tambahan kepada guru disiplin sekolah dalam usaha membendung masalah sosial di kalangan pelajar.

Di bawah Seksyen 8, Akta Polis 1967, mereka yang memiliki kuasa AP mempunyai bidang kuasa sama seperti anggota polis lain.

Katanya, jika keadaan memerlukan, polis akan memberi kuasa polis tambahan kepada guru besar dan guru penolong kanan sekolah bergantung kepada keadaan sesebuah sekolah.

Bagaimanapun, menurut Rahim, cadangan itu akan dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan terlebih dahulu sebelum diputuskan untuk dikuatkuasa.

Khalid berkata, Kementerian Pendidikan akan mengadakan mesyuarat dengan PDRM tidak lama lagi bagi membincangkan lebih lanjut masalah disiplin sekolah, termasuk kesan pemberian kuasa polis kepada guru disiplin.

"Ketua Polis Negara boleh membawa cadangan memberi kuasa polis kepada guru besar dan guru penolong kanan dalam mesyuarat itu.

"Kita juga perlu memikirkan aspek lain seperti beban tugas yang cukup banyak kini dipikul guru besar sebagai pentadbir sekolah," katanya selepas mewakili Menteri Pendidikan, Datuk Najib Tun Razak, merasmikan Pusat Pengurusan Keusahawanan Kamsis Ibu Zain, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, hari ini.

Hadir sama di majlis itu ialah Pengetua Kamsis Ibu Zain, Prof Madya Dr Aminuddin Mohd Yusof.

Mengenai gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya diwujudkan lebih ramai usahawan kelas menengah, Khalid berkata, pelbagai program diatur institusi pengajian tinggi (IPT), khususnya Institut Teknologi Mara (ITM) untuk melatih pelajar menceburi bidang perniagaan.

"ITM memang diwujudkan untuk melahirkan usahawan, khususnya Bumiputera, tapi pelajar IPT lain boleh menimba pengalaman yang sama walaupun mereka belajar dalam bidang lain.

"Pelajar program komputer umpamanya boleh menjadi usahawan yang berjaya jika mereka berusaha bersungguh-sungguh dalam bidang perniagaan yang diceburi," katanya.

(END)